

Nasihat PM pada pemimpin MCA: Patuhi perjanjian bersama

JM 22 MAR 1985

KUALA LUMPUR 24 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini meminta pemimpin - pemimpin MCA supaya mematuhi semangat perjanjian bersama yang ditandatangani Januari lalu dalam mencapai penyelesaian kepada perselisihan sesama mereka.

Perdana Menteri juga merayu kepada ahli-ahli MCA agar jangan melakukan sesuatu tindakan yang akan melukakan parut lama yang sedang diubati.

Beliau mahu pemimpin - pemimpin dan para peng-

ikut parti itu menyelesaikan sedikit masalah yang masih wujud dengan cara yang mesra, supaya akhirnya seluruh MCA akan kekal dan bukan separuh MCA.

Ketika berucap di Majlis Makan Malam Perpaduan MCA di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa:

● Pemimpin mestilah berani menentukan arah ke mana ia mahu membawa pengikut - pengikutnya dan meyakinkan mereka supaya mengikuti kepimpinannya;

● Pemimpin - pemimpin MCA hendaklah menjelas-

kan makna kompromi kepada golongan - golongan dalam parti yang tidak ingin melihat sesuatu puak mencapai kemenangan mutlak;

● MCA adalah parti yang istimewa dan rakan terdekat bagi UMNO dan merupakan parti yang sangat penting bukan sahaja kepada Barisan Nasional tetapi juga dalam konteks seluruh negara.

Turut dijemput ke majlis yang meraikan ulangtahun ke-36 penubuhan MCA malam ini termasuklah bekas Presiden parti, Tun Tan Siew Sin; usahawan - usahawan Cina; menteri - menteri dari Parti UMNO; pemimpin - pemimpin dari parti - parti komponen Barisan Nasional dan ahli-ahli MCA.

Pemimpin puak yang bertelagah dengan pucuk pimpinan MCA, Encik Tan Koon Swan, yang kini ahli biasa parti itu, turut kelihatan dalam majlis tersebut. Rakan-rakannya yang lain tidak kelihatan.

Bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon juga tidak hadir.

Dalam ucapan, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa beliau percaya perlembagaan MCA ada menyediakan cara dan jalan untuk menyelesaikan masalah kedua puak.

"Tetapi sebelum kamu (pemimpin - pemimpin MCA) tiba di peringkat itu, saya berharap kamu semua akan mematuhi semangat penyelesaian yang diusahakan secara bersungguh - sungguh oleh ramai orang.

"Saya juga yakin bahawa kedua puak (Datuk Dr. Neo Yee Pan dan Encik Tan Koon Swan) ada keikhlasan, tetapi tentu sekali kedua puak itu menghadapi teka-

nan daripada orang - orang yang tidak ingin melihat salah satu puak mencapai kemenangan mutlak (dalam menyelesaikan krisis parti)," tambahnya.

Perdana Menteri berkata, pemimpin - pemimpin kedua puak hendaklah menjelaskan kepada pengikut - pengikut mereka bahawa kompromi melibatkan penerimaan sesuatu yang tidak dikehendaki dan menawarkan sesuatu yang sudah dimiliki.

"Kalau ada kumpulan - kumpulan dalam MCA, janganlah mana-mana pihak berfikir tentang kemenangan mutlak bagi pihaknya dan cuba menekan pihak yang lain.

"Kita tidak harus memi-

kirkan soal memusnahkan pihak lain kerana pihak itu adalah juga sebahagian daripada kita. Yang penting ialah kita mestilah berunding, dengan menerima sedikit dan menawarkan sesuatu.

"Kita juga hendaklah faham bahawa kemenangan bagi sesuatu puak bermakna memecahkan diri anda kepada separuh, sama ada lebih banyak atau lebih sedikit," tegasnya lagi.

Dengan selesainya krisis MCA (Januari lalu), Perdana Menteri berkata Barisan Nasional merasa amat lega dan sudah tentu UMNO juga lega "kerana kita menganggap MCA sebagai rakan yang terdekat sekali dengan kita."

Beliau juga menegaskan bahawa UMNO tidak mahu melihat MCA pecah belah sehingga menjadi tidak berkesan dalam kesan dan percaya MCA juga tidak suka melihat UMNO berpecah.

Kepada masyarakat Cina pula, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa MCA adalah parti harapan mereka kerana ia mewakili penyertaan orang Cina dalam kerajaan.

"Suara mereka dapat didengar dan diberi pertimbangan yang wajar dalam kerajaan dan pihak yang mengemukakan suara itu adalah MCA," tambahnya disambut dengan tepukan gemuruh para hadirin.